


*Extempore speech on*

# ISLĀM: THE COVENANTS FULFILLED

*by*

ROYAL LAUREATE PROFESSOR  
SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS



## Naquib al-Attas: Kritikan, Pengalaman dan Syarahan

Oleh: Syed Ahmad Fathi ([fathi137@gmail.com](mailto:fathi137@gmail.com))

### Pendahuluan

Tulisan ini adalah catatan pengalaman oleh seorang pelajar sejarah yang tidak pernah membaca sehingga habis satu pun buku Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas. Penulis juga langsung tidak mahir dalam aspek-aspek falsafah, kajian ilmu Alam Melayu, metafizik, pengajian Islam, ilmu epistemologi, mahu pun apa-apa bidang kajian yang telah dikaji berdekad-dekad dengan tekun oleh Prof. al-Attas. Oleh itu, dapatan dan tinjauan yang dimuatkan dalam penulisan ini adalah pemerhatian pembaca awam sahaja, ianya tidak berautoriti dan tarafnya sekadar observasi umum. Penulisan ini akan memuatkan beberapa perkara. Pertama, kritikan terhadap pemikiran Prof. al-Attas. Kedua, pengalaman dan catatan nota penulis dalam pengalaman singkat mendengar syarahan Prof. al-Attas.

### Latar Belakang Ringkas Pendidikan

Syed Muhammad Naquib al-Attas lahir di Bogor pada tahun 1931. Beliau menimba ilmu di Akademi Ketenteraan Diraja Sandhurst, England. Mempunyai ijazah dari Universiti McGill, Montreal dan juga ijazah doktor falsafah (Ph.D) dari Universiti London.<sup>1</sup>

### Kritikan Terhadap Pemikiran Naquib al-Attas

Kritikan merupakan perkara yang asas dalam tradisi ilmu. Ia merupakan elemen penting dalam memastikan bahawa sesuatu ilmu itu mempunyai asas yang kukuh dan dapat dipertahankan. Selain itu kritikan juga penting dalam melahirkan satu tradisi ilmu yang sihat. Jika kritikan tidak dibuka, tradisi ilmu boleh berubah menjadi jumud, fanatik hizbi, juga berlakunya pengkultusan tokoh. Dengan adanya kritikan, sesuatu kelemahan itu dapat dilihat dan diperbaiki, perkara ini tentulah akan melahirkan bangunan keilmuan yang lebih kukuh dan dapat dipertahankan. Sebelum saya menghadiri syarahan Prof. al-Attas, saya sempat bertemu seorang sarjana yang mengkaji sejarah pemikiran Islam di Alam Melayu di Universiti Malaya.<sup>2</sup> Saya memaklumkannya

<sup>1</sup> Nota tepi di kulit buku Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Sejarah Islam di Alam Melayu: Antara Fakta dan Rekaan*. (terjemahan oleh Khalif Muammar A. Harris). Penerbit UTM Press dan Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS-CASIS), 2025.

<sup>2</sup> Perjumpaan bertarikh 23 Januari 2025 bersamaan 23 Rejab 1446.

tentang perancangan saya untuk menghadiri syarahan Prof. al-Attas. Maka kami mula berdiskusi tentang gagasan pemikiran al-Attas.

Menurut sarjana tersebut, Islam yang datang di Alam Melayu pada abad ke-5 itu masuk ketika Mekah dikuasai golongan sufi, disebabkan itu, versi Islam yang berkembang di Alam Melayu ini mempunyai pengaruh sufi yang kuat.<sup>3</sup> Selain itu, berlaku juga percampuran dengan budaya dan kepercayaan Hindu-Buddha yang sedia ada di Alam Melayu pada ketika itu. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa pemikiran yang bersifat sufi ini mendapat tempat di Alam Melayu hingga ke hari ini, ia mempunyai akar yang dalam dan panjang.

Antara kritikan beliau terhadap pemikiran Prof. al-Attas adalah penggunaan hadith yang tidak sahih dalam penyampaian. Beliau juga menyatakan bahawa pelajar-pelajar al-Attas yang tahu akan perkara ini tidak menegur dan membetulkan kesilapan ini. Bagi beliau sesuatu itu tidak menjadi sahif kerana ia banyak disebutkan oleh guru kita, sebaliknya ia sahif setelah diabsahkan menggunakan metodologi yang betul. Beliau juga berpandangan jalur pendidikan formal al-Attas itu lebih dekat dengan pemikiran tokoh-tokoh Orientalis. Bagi beliau, manhaj pemikiran kita perlulah berdasarkan nas al-Qur'an dan hadith yang sahif disamping mengutip ilmu dari tradisi Islam yang jernih.

Selepas dari pertemuan saya bersama sarjana di Universiti Malaya tersebut, saya bertemu dengan seorang lagi sarjana yang aktif menganjurkan wacana falsafah.<sup>4</sup> Saya meminta pandangan beliau berkenaan dengan falsafah pemikiran Prof. al-Attas. Bagi beliau, setelah membaca penulisan dan bahan rujukan al-Attas, beliau mendapati tulisan al-Attas adalah sekadar pengulangan bahan yang dibaca beliau dari sumber-sumbernya. Selain itu, perihal kajian manuskrip Melayu, menurut beliau kajian terhadap beberapa manuskrip Melayu sahaja tidak mencukupi untuk kita melahirkan satu pemikiran perihal pemikiran orang Melayu di zaman silam. Beliau berhujah bahawa terdapat lebih 30,000 manuskrip Melayu yang wujud, membaca beberapa manuskrip sahaja tidak mencukupi untuk membuat kesimpulan yang bermakna.

Saya walau bagaimanapun berpandangan bahawa tugas mengkaji ribuan manuskrip Melayu itu bukan tugas yang boleh dipikul oleh seorang sarjana sahaja. Hal ini kerana hayat manusia itu sangat singkat, pastilah dia harus memilih skop dan batasan kajian yang munasabah sesuai dengan umur, keupayaan, dan jangka masa yang dipunyainya. Bagi saya, mengkaji beberapa manuskrip itu sudah menjadi satu sumbangan ilmu, maka tanggungjawab seterusnya mestilah diteruskan oleh generasi sarjana dan pengkaji terkemudian.

### Pengalaman Mengikuti Syarahan “Islam: The Covenants Fulfilled”<sup>5</sup>

Syarahan pada 26 Januari 2025 ini merupakan syarahan pertama Prof. al-Attas yang saya hadiri. Sebelum syarahan bermula lagi, saya dapat merasakan seolah-olah acara ini mempunyai auranya yang tersendiri. Aura ini dapat dilihat dengan kehadiran para intelektual, tokoh masyarakat,

<sup>3</sup> Yang dimaksudkan di sini adalah abad ke-5 Hijrah dan ke atas adalah abad di mana tradisi ilmu hadith di titik yang paling rendah dalam sejarah Islam dan menunjukkan kebangkitan aliran sufi sehinggalah sufi menjadi arus perdana dalam dunia Islam dan seterusnya menjadi pengaruh besar di Makkah-Madinah dan dunia Islam amnya. Manakala orang Islam dari Alam Melayu mula ke Makkah untuk tunaikan haji dan menuntut ilmu semestinya sekitar abad ke-15 Masehi atau lebih awal lagi iaitu pada era kerajaan Samudera-Pasai dan ke atas. Situasi ini menjadi semakin rancak bermula abad ke-17 Masehi. Lihat kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana semasa seperti Khaled el-Rouayheb, Azyumardi Azra, Umar Muhammad Noor dan Naser Dumairieh.

<sup>4</sup> Pertemuan di Kajang pada 26 Januari 2025 bersamaan 26 Rejab 1446.

<sup>5</sup> Syarahan bertajuk *Extempore speech on “Islam: The Covenants Fulfilled”* oleh Royal Laureate Professor Syed Muhammad Naquib al-Attas pada 26 Januari 2025 di Dewan Merdeka, World Trade Centre Kuala Lumpur.

menteri, komuniti buku, dan juga golongan pelajar. Ia seolah-olah merupakan malam yang menghimpunkan orang-orang yang berfikir, seolah-olah kita berjalan di tengah dewa-dewi. Selain itu, majlis ini juga terasa seperti begitu kuat unsur-unsur elitnya. Ditengah-tengah khalayak ini, saya merasakan begitu kerdil sekali, juga sedikit kekok, kerana saya hanya rakyat marhaen biasa sahaja. Saya tertanya-tanya juga, adakah saya di acara yang betul? Kerana biasanya, acara yang saya sertai hanya duduk di kerusi plastik sahaja.

Walaupun saya tidak pernah membaca sehingga habis buku Prof. al-Attas, saya ada membeli buku tulisan beliau bertajuk *Islam and Secularism*. Saya cuba membacanya, namun di bahagian awal, ketika mula menyelak naskah tersebut, saya terus dibawa ke dalam pertikaian akademik oleh Prof. al-Attas dengan orang lain. Ini membuatkan saya *turned-off* dan tidak menyambung bacaan. Mungkin sepatutnya saya bersifat lebih terbuka dan tidak cepat berputus asa. Selepas ini mungkin saya akan cuba menyambung bacaan.

Majlis bermula dengan ucapan perdana menteri, Anwar Ibrahim. Beliau menyatakan bahawa Prof. al-Attas merupakan guru besar bangsa dan kemudian mendakwa bahawa beliau merupakan anak murid Prof. al-Attas di Universiti Malaya dahulu. Ini diikuti oleh ucapan Prof. Alparslan Açıkgönç yang telah memperkenalkan pemikiran Prof. al-Attas.

Menurut Açıkgönç, pemikiran al-Attas merangkumi pemikiran logik dan supra-logik yang membentuk sistem falsafahnya. Sistem ini merangkumi hal-hal ontologi, kosmologi, dan lain-lain termasuklah hubungan *covenantal* manusia dan Tuhan. Syarahan al-Attas bagi Açıkgönç tidak hanya bersifat intelektual tetapi turut bersifat spiritual. Dalam menghadam pemikiran al-Attas, bagi Açıkgönç, penyakit yang paling besar yang menjalari umat Islam hari ini adalah kerosakan ilmu (*corruption of knowledge*) yang membawa kepada *loss of adab*.<sup>6</sup>

Selepas dua ucapan ini, barulah Prof al-Attas dibawa ke atas pentas, proses membawa beliau ke atas pentas ini agak lama juga kerana usianya yang sudah lanjut dan perlu ditolak menggunakan kerusi roda. *First impression* saya, saya dapati Prof. al-Attas agak garang, beliau menyuruh beberapa lampu ditutup kerana menganggu penglihatannya, dan juga ada sesuatu yang menganggu kakinya menyebabkan beliau sakit ketika susunan kedudukan beliau dilakukan.<sup>7</sup> Pada peringkat awal juga kedengaran suara beliau agak perlahan dan uzur, namun setelah beberapa ketika, mikrofon diperbetulkan dan Prof. al-Attas juga kedengaran lebih bertenaga.<sup>8</sup> Ketika memulakan ucapan, beliau berulang kali meminta maaf kerana tidak dapat mengingati bahagian salutasi yang dibekalkan kepadanya, juga beliau tidak mengingati nama dan jawatan menteri, Zamry Abdul Kadir.<sup>9</sup>

Prof. al-Attas memulakan syarahannya dengan menghuraikan makna “*deenul haq*”. Perkataan *al-Haq* menurut beliau membawa dua maksud iaitu kebenaran (*truth*) dan benar (*true*). Beliau kemudian menghuraikan tentang apakah itu “*deen*” dan juga tentang perbezaan konsep ketuhanan dalam Islam dan fahaman lain. Diterangkan tentang bagaimana konsep ini berubah apabila berlalunya zaman oleh kerana manusia perlu memahami lebih banyak perkara.

Menurut Prof. al-Attas, “*millah is the prelude to the deen*”. *Deen* ini disempurnakan oleh Nabi Muhammad SAW yang telah membawa konsep Tuhan yang bersifat universal, bukan konsep

<sup>6</sup> Huraian ucapan Alparslan Açıkgönç berdasarkan nota catatan peribadi saya.

<sup>7</sup> Terdengar beliau menyebut “eh, what is that, hurt my leg!”.

<sup>8</sup> Pada peringkat awal, saya takut juga, kerana saya fikir keuzuran mungkin menyebabkan syarahan beliau sukar di dengari dan difahami. Namun setelah beberapa ketika, ucapannya jelas dan terang.

<sup>9</sup> Beliau menyebut “I’m so sorry, I can’t remember, this paper you given me”.

Tuhan yang bersifat tribal, nasional, atau mitologikal. Menurut beliau lagi, walaupun kita melihat banyaknya agama-agama, kekufuran itu hakikatnya merupakan satu perkara yang sama. Prof. al-Attas mengkritik penafsiran Seyyed Hossein Nasr di dalam *The Study Quran* yang disifatkan beliau sebagai satu penafsiran yang berbahaya.

Melalui kajiannya, Prof. al-Attas berpandangan bahawa nabi-nabi sebelum ini belum lagi Muslim sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW. Namun mereka berdoa untuk menjadi Muslim. Beliau berhujah bahawa perkataan “Muslim” itu tidak ditemui dalam vokabulari Arab sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW. Selain itu, penelitian terhadap ayat-ayat al-Qur'an juga mendapati bahawa nabi-nabi sebelum Nabi Muhammad SAW berdoa untuk menjadi Muslim tetapi mereka tidak disebut sebagai Muslim. Hanya selepas kedatangan Nabi Muhammad SAW, mereka menjadi Muslim, beliau menyebut:

*“Muhammad came and confirmed this Muslim covenant”.*

Prof. al-Attas telah membangkitkan persoalan sama ada perkataan “*aslama*” itu wujud pada zaman awal dalam pembendaharaan kata bahasa Arab terutamanya dalam bidang agama. Bagi beliau, kebolehan beliau untuk bertanyakan soalan ini adalah melalui *illham* yang diterimanya. Setelah melakukan kajian, beliau mendapati perkataan ini tidak wujud dalam bahasa Arab kuno. Menurut Prof. al-Attas, Allah yang menjadikan seseorang itu Muslim, ia bukanlah proses yang bersifat *gradual* seperti yang difahami oleh penafsiran biasa. Tetapi tentulah ada syarat-syarat yang melayakkan seseorang itu untuk menjadi Muslim, syarat-syarat ini boleh kita ketahui dari ayat-ayat al-Qur'an.

Dalam syarahannya juga, Prof. al-Attas menegaskan bahawa asal-usul manusia bukanlah dari monyet, tetapi dari Allah yang telah memulakan segala-galanya. Selain itu, beliau juga menyentuh tentang persoalan bahasa. Perkataan “Allah” misalnya, bukan merupakan kata yang wujud dari bahasa manusia, ia bukan berasal dari perkataan “ilah”. Dalilnya adalah dari ayat al-Qur'an dari Surah Taha ayat ke-14. Bahasa menurut Prof. al-Attas boleh dibahagikan kepada beberapa sifat. Pertamanya yang bersifat umum disebut sebagai *lughoh*. Kemudian bersifat percakapan dan disebut sebagai *lisan*.<sup>10</sup> Ketiga adalah bahasa yang berbentuk *kalam*, yang merupakan ucapan berdasarkan logik dan mempunyai tujuan. Prof. al-Attas juga menyatakan ketidaksetujuan beliau dengan al-Baydawi yang menafsirkan al-Qur'an berdasarkan tatabahasa (*grammatical*).

Walaupun saya merasakan *first impression* saya terhadap Prof. al-Attas adalah sebagai orang yang garang, dalam syarahannya saya juga mendapati beliau merupakan seseorang yang merendah diri. Banyak ketika beliau meminta maaf jika beliau terlupa akan satu perkara. Perkara ini merupakan perkara yang baik, kerana ada sebahagian sarjana yang tidak akan meminta maaf di pentas umum kerana takut akan aura autoritinya akan hilang. Di penghujung syarahan beliau, Prof. al-Attas memohon maaf kepada hadirin atas segala kesilapannya dan juga perkara-perkara yang beliau tidak ingati (lupa).

Sebenarnya ada lagi ulasan dan rumusan syarahan yang lebih lengkap dan teratur, namun di dalam tulisan ini, saya sekadar membahaskan apa yang sempat saya tangkap dan faham sahaja.<sup>11</sup>

<sup>10</sup> Contoh bentuk lisan ini dapat difahami melalui kitab Ibnu Manzur iaitu *Lisanul Arabiy*.

<sup>11</sup> Untuk rumusan yang lebih lengkap, rujuk misalnya tulisan yang dihasilkan oleh Naquuddin Said di laman Facebooknya. Lihat pautan:

<https://www.facebook.com/naqiubest88/posts/pfbid02tb6QwWFPSx5dSPBenm1FnCUxMPQFbMnXSRw9TwXR5KaFHvsAVuiVV74tZZtxMBU1>

Perkara ini dilakukan bagi menunjukkan *level*/kefahaman saya dalam subjek ini yang tidak terlalu tinggi dan mendasar.

## **Penutup**

Saya tertanya juga apakah kegunaan penafsiran terhadap perkara-perkara harfiah ini. Dalam diskusi pasca-syarahan saya bersama Izzuddin Khalis, beliau menerangkan bahawa sebenarnya perbahasan seperti ini mempunyai nilainya yang tersendiri. Terutamanya dalam menolak hujah dan teori Orientalis yang menyatakan Islam sebagai hanya sebuah agama dari banyak agama-agama yang berkembang dalam sejarah manusia. Dengan perbahasan ini, ia dapat menjadi hujah yang meletakkan Islam sebagai agama yang benar dan bukan berkembang seperti berkembangnya agama-agama yang lain.

Walaupun saya tidak begitu berminat dengan perbahasan falsafah sufi, namun ada juga perbahasan-perbahasan Prof. al-Attas yang mempunyai silangan dengan bidang sejarah. Bahagian ini mungkin lebih dekat dengan saya dan menarik untuk saya baca dan tekuni dengan lebih lanjut. Walaupun saya bukan peminat, pengkagum, atau pengikut pemikiran Prof. al-Attas, saya kira wajar juga saya tuliskan catatan saya sebagai pandangan dari orang luar, kerana mungkin akan ada aspek-aspek yang tidak akan dicatatkan oleh pengikutnya. Perkara ini bagi saya penting sebagai satu sudut pandang rujukan di masa hadapan.

## **Penghargaan**

Saya ingin merakamkan penghargaan buat sahabat saya Mohd Shafiq bin Abas yang telah mengajak saya untuk menyertai syarahan ini.



Gambar 1: Gambar penulis bersama teman-teman semasa syarahan Prof. Naquib al-Attas pada 26 Januari 2025.